

RM3 bilion wang Yayasan Sabah lesap

U.S.M - 1 JUN 1994

Oleh MOHD. NOR SAMAD dan RUHAIDINI KADIR

KOTA KINABALU 31 Mei—Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan bahawa sejumlah RM3 bilion hingga RM4 bilion wang milik Yayasan Sabah telah dilesapkan oleh pihak-pihak tertentu semasa pemerintahan Kerajaan Sabah sebelum ini.

Serentak dengan itu, Dr. Mahathir mengarahkan Kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah menyiasat kehilangan wang tersebut.

Katanya, wang itu sepatutnya dimiliki oleh Yayasan Sabah atau kerajaan negeri tetapi kerajaan negeri didapati mengalami keku-

rangan wang.

“Setakat ini yang kita buat kajian, lebih kurang RM3,000 hingga RM4,000 juta sudah lesap begitu sahaja sedangkan wang itu sepatutnya ada dalam simpanan Yayasan Sabah atau sekurang-kurangnya di tangan kerajaan negeri.

“Kita nak tahu siapa yang buat macam itu, tak patutlah...kerana itu duit rakyat Sabah,” katanya kepada para wartawan pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Lama Kota Kinabalu sebelum beliau berlepas pulang ke ibu negara, petang ini.

► Lihat muka 2

Sehubungan itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan sedang menyelidik perjalanan Yayasan Sabah untuk membolehkan ia dibersihkan daripada sebarang penyelewengan. Menurut beliau, Kerajaan BN Sabah sekarang terpaksa mengosongkan sementara jawatan Pengarah Yayasan Sabah dan membekukan beberapa urusannya untuk menjalankan penyelidikan tersebut.

Katanya, apabila sesebuah kerajaan berkuasa di Sabah sebelum ini, berlaku kecenderungan mengambil alih kawasan atau tanah yang diberi kepada orang tertentu untuk diberikan semula kepada orang lain.

Dr. Mahathir berkata, Kerajaan BN mahu menyelidik secara menda-

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

RM3 bilion wang Yayasan Sabah lesap

lam kerana tidak mahu mengulangi kesilapan pemerintahan tiga kerajaan yang lalu.

“Kita hendak tahu apa asas pengagihan kawasan-kawasan, apa asas pengeluaran lesen dan sebagainya. Kita hendak perintah Sabah secara adil kepada semua pihak. Walaupun dia dari parti lawan, kita mesti adil,” jelas beliau.

Katanya, BN akan memastikan pemerintahan yang adil kepada seluruh rakyat negeri ini tanpa mengira kaum, kepercayaan dan fahaman politik mereka.

Oleh itu, katanya, BN akan menyiasat secara terperinci untuk mengetahui apakah asas pengagihan kawasan, pengeluaran lesen dan sebagainya yang telah diluluskan

oleh Yayasan Sabah di zaman pemerintahan kerajaan yang lalu.

Anak-anak syarikat Yayasan Sabah merupakan antara agensi kerajaan negeri yang diaudit oleh sebuah firma audit swasta, berikutan kegagalan mereka mengemukakan laporan kewangan tahunan masing-masing.

Sebelum ini, Lembaga Pengarah Yayasan Sabah yang baru dipengerusikan oleh Ketua Menteri, Tan Sri Sakaran Dandai menggugurkan Datuk Dr. Jeffrey Kitingan sebagai pengarah yayasan itu dan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khalil Jamalul sebagai pentadbir sementara.

Dewan Undangan Negeri dalam persidangan awal bulan ini meluluskan satu rang undang-

undang membolehkan Ketua Audit Negeri menjalankan pengauditan terhadap perjalanan yayasan itu.

Mengenai prestasi kerajaan negeri yang memerintah sejak dua bulan lalu, Perdana Menteri berkata, daripada segi pentadbiran, ia sudah disusun dan beliau percaya ia sudah mempunyai asas-asas yang kukuh.

Bagaimanapun, katanya, yang menjadi masalah sekarang ialah untuk menentukan keadaan pentadbiran sebelum diambil alih Kerajaan BN sekarang.

“Apakah ada penyelewengan atau tidak? Siapa yang menyeleweng, siapa yang mengambil hak rakyat Sabah untuk diri sendiri? Semua ini kita hendak selidik,” katanya.